

03 JAN 2003

DR MAHATHIR TINJAU LANGKAWI DARI PUNCAK GUNUNG MACHINCHANG

LANGKAWI, 3 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meninjau keindahan Pulau Pangkawi dari atas Gunung Machinchang, yang untuk sampai ke atas puncaknya perlu menaiki kereta kabel selama 15 minit.

Perdana Menteri yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pukul 5.55 petang terus berkereta ke tempat berkenaan yang terletak di Oriental Village, Teluk Burau.

Dr Mahathir ditemani Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, cucu-cucu mereka Engku Anisha Che Wan Mohd Adlil, 15, dan Engku Zehan, 13. Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira 30 minit di atas puncak gunung berkenaan sambil merakam gambar persekitarannya dengan kamera video.

Projek kereta kabel ke gunung itu bernilai RM46 juta, yang dijalankan secara usahasama antara syarikat Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan. Perkhidmatan kereta kabel itu dibuka kepada orang ramai mulai 1 Nov tahun lepas.

-- BERNAMA

MZM HM